

29/08/1998

Tindakan maaf Pemuda hapus prasangka

KOTA BHARU, Jumaat - Langkah Pemuda Umno menemui Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memohon maaf terhadap kesilapan dan kekeliruan pada perhimpunan agung lalu, berjaya menutup segala prasangka.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Pemuda mengambil langkah baik dan wajar menerusi usahanya memulihkan keadaan sekali gus menghapuskan perasaan kurang senang di kalangan pucuk pimpinan Umno terhadap barisan itu.

"Saya nampak hasrat Pemuda menutup segala prasangka sebagai proses kembali pada keadaan sebelum ini.

"Pemuda sudah meminta maaf kepada Presiden parti dan menyatakan sokongan mereka, jadi saya harap sokongan itu akan diulangi dan mereka sentiasa mematuhi gesaan serta arahan pucuk pimpinan," katanya selepas merasmikan jentera pilihan raya Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Kelantan di Bangunan Umno di sini, hari ini.

Mengulas `kesalahan' Pemuda Umno sehingga memerlukan mereka meminta maaf pada Dr Mahathir, Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, semua pihak memaklumi isu yang dibangkitkan sehingga menyinggung Presiden Umno.

Beliau merujuk kepada tindakan Pemuda membangkitkan isu nepotisme dan kronisme pada Perhimpunan Agung Umno yang membawa kepada pendedahan senarai pemegang saham dalam syarikat yang dipilih melaksanakan projek kerajaan.

"Kita sudah menjelaskan nepotisme dan kronisme tidak berlaku di negara ini kerana kita amalkan dasar adil dan terbuka, itulah sebabnya pembahagian saham didedahkan kepada umum," katanya.

(END)